

# Buletin Ikatan

Membina Generasi Bertaqwa Untuk Ahli Sahaja

Ikatan Muslimin Malaysia

Tahun 4 | Bil. 29 | Harga RM0.20

Januari 2007



## Amanat Presiden ISMA Sempena Tahun Baru 2007



Ust. Abdullah Zaik bin Abd Rahman

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Tahun 2007 yang baru saja menjelang telah membawa sinar baru kepada umat Islam. Harapan seluruh umat Islam adalah untuk tidak lagi terpengaruh dengan segala macam dakyah demokrasi, liberalisasi dan permodenan yang hanya merupakan janji-janji kosong dan lebih merupakan fitnah serta pemboghongan Barat. Kesemua dakyah ini tidak akan membawa kepada kebaikan malah lebih menjurus untuk menghancurkan kekuatan umat Islam. Tidak dapat dinafikan, tahun 2006 merupakan kemuncak kepada segala pemboghongan dan fitnah yang ditabur oleh pihak Barat.

Justeru, marilah sama-sama kita jadikan tahun 2007 sebagai waktu untuk kita menilai semula segala tindakan yang telah kita ambil bagi menangani permasalahan umat Islam di seluruh dunia. Peristiwa mutakhir ini menunjukkan teori kemajuan dan kemodenan, demokrasi (gaya Amerika), liberalisasi, hak asasi manusia dan sebagainya yang dicanangkan Barat hanyalah satu teori penipuan semata-mata. Malah teori-teori tersebut telah menjadi sumber bencana kepada umat Islam.

Hakikatnya, teori penipuan ini hanyalah untuk memperbodohkan umat Islam dan pada masa yang sama sebagai sumber provokasi untuk mewujudkan suasana kacau bilau dalam masyarakat. Sebagai contoh, isu hak asasi manusia dijadikan sumber inspirasi bagi menidakkan amalan tradisi ketimuran wanita Timur dan Islam. Demokrasi pula menjadi senjata untuk campurtangan dalam hal ehwal negara lain.

Sesungguhnya, kesemua dakyah ini bertujuan untuk menggalakkan generasi muda umat Islam menderhaka atau memberontak kepada pemerintah negara masing-masing, adat resam dan nilai-nilai Islam. Badan-badan seperti Inter Faith Congress (IFC) dan Sisters In Islam (SIS) adalah antara natijah daripada usaha liberalisasi yang diperjuangkan Barat. Liberalisasi hanyalah wadah yang digunakan untuk melindungi kepentingan Barat dan sekutunya. Oleh yang demikian, teori penipuan ini boleh diibaratkan seperti bom jangka yang menunggu masa untuk meletus. Apabila bom ini meletus, maka umat Islam akan mengalami satu zaman yang amat suram.

Setelah melihat sorotan 2006 yang begitu menyedihkan buat umat Islam, timbul satu persoalan penting - adakah umat Islam masih mahu menari rentak yang sama pada tahun 2007 ini (mengikut acuan dan telunjuk Barat) atau kembali kepada Islam yang Syumul?



Mangsa 'Teori Penipuan'

### MENARIK DI DALAM

- Aib yang Amat Menyedihkan *muka 2*
- Berita Seminar Belia Nasional 2006 *muka 4*
- Masihkah ada sinar harapan untuk umat Islam di tahun baru *muka 8*

### DIARI ISMA

#### MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 10

Tarikh: 27 JANUARI 2007.

#### KONVENSYEN WANITA ISMA (KONWANIS) 2007

Tarikh: 18-19 FEBRUARI 2007.

*bersambung ke m/s 3*



IKATAN MUSLIMIN MALAYSIA (ISMA)

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 10

*'Melakar Semula Peta Siasi;*

*Berfikir Di Luar Kotak'*

27 Januari 2007 (Sabtu)

NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor

## Tanggungjawab Membentuk Masyarakat Islam

MEMBENTUK masyarakat Islam bolehlah disamakan dengan kita membina atau membangunkan sebuah bangunan. Sebelum sesebuah bangunan itu didirikan, pembinaan asasnya perlu didahulukan demi memastikan bangunan yang terbina akan kukuh dan kuat. Maka dengan sebab demikian jugalah dalam membentuk sesebuah masyarakat mestilah dimulakan dengan pembinaan asasnya terlebih dahulu. Jika kukuh asas yang dibina maka tegaklah masyarakat itu. Sebaliknya jika lemah maka runtuhlah apa sahaja yang dibina di atasnya.

Rasulullah SAW telah memulakan pembentukan masyarakat Islam dengan membina asasnya terlebih dahulu. Asas yang paling utama dalam pembentukan ini ialah membentuk manusia ke arah berbudi pekerti mulia. Budi pekerti atau moral yang mulia adalah satu-satunya asas yang paling kuat untuk melahirkan manusia yang bersih hati, ikhlas dalam hidup dan amanah dalam tugas serta cinta kepada kebaikan dan benci kepada kejahatan. Kepentingan budi pekerti yang mulia ini jelas dari hadis yang bermaksud :

*"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang terpuji."*

Dalam hadis ini kita diperlihatkan suatu konsep akhlak yang amat jelas iaitu konsep menjaga akhlak yang mulia dan menjadi tugas utama Rasulullah s.a.w. Nabi Muhammad s.a.w. adalah Rasul terakhir dari semua Rasul yang diutuskan sebelumnya. Beliau melaksanakan tugasnya sepertimana tugas Rasul-rasul sebelumnya iaitu antaranya mengawal akhlak manusia supaya sejajar dengan kehendak Allah SWT.

Untuk mendidik manusia supaya berakhlak mulia tidak akan berjaya melainkan dengan menunjukkan contoh-contohnya terlebih dahulu. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w. menjadi contoh teladan kepada seluruh manusia. Allah s.w.t. telah memuji kemuliaan akhlak Rasulullah dengan firman-Nya yang bermaksud :

*"Sesungguhnya engkau (Muhammad) memiliki akhlak yang amat terpuji."*

(Al-Qalam: 4)

## Aib yang Amat Menyedihkan

Sesungguhnya sifat bermalas-malas itu bukan sahaja merugikan di dalam urusan dunia. Malas dan gagal merancang kehidupan akan mencipta aib dan kedhaifan diri seseorang. Apalagi malas dan tidak berstrategi dengan urusan akhirat.

Motivasi untuk berubah kepada kebaikan perlu selalu diingatkan dalam minda kita. Banyak sumber maklumat yang boleh kita perolehi berkenaan dengan motivasi dan kesedaran diri ini dari pelbagai latar belakang pakar motivasi.

Namun sedarlah, tiada seorang pun dari mereka lebih hebat dari pakar motivasi yang paling hebat iaitu Rasulullah SAW, yang bukan sahaja telah merubah kehidupan manusia di dunia tetapi telah merubah manusia lebih berjaya di alam kekal nanti. Solat lima waktu yang ditunjuk oleh baginda SAW itu adalah motivasi harian. Sedangkan kita mudah lupa atau bersemangat berubah sikap sekejap sahaja selepas habis mengikuti kursus, kem-kem motivasi atau yang seumpamanya.

Buang sifat cepat selesa, sambil lewa dalam beribadah, bekerja dan beramal. Khasnya bagi lelaki yang menjadi pemimpin keluarga lebih selesa solat sendirian di rumah atau di pejabat dan kita sentiasa selesa lalai dalam solat!. Sudahlah ganjaran pahala nisbahnya kurang, kita pula tidak khusyuk, tidakkah layak kita dicemuh oleh Allah SWT?

Sebenarnya kita sengaja mencipta aib yang terlampau pada diri sendiri. Kita akan diaibkan di hari hisab.

Di dunia ini kita bertungkus lumus dan hebat merancang demi mengecapi nikmat dunia. Mengapa tidak pula bertungkus lumus untuk mengecapi nikmat abadi, nikmat infiniti.

Ramai orang memandang sinis pada orang yang tamak beribadah seolah-olah lupa dunia, sedangkan berapa ramai yang tidak dipandang serong bila tamak dunia dan lupa akhirat!!

Malah mereka ini ada yang diangkat menjadi pemimpin masyarakat, disanjung dan diberi pelbagai gelaran.

Renungkan pesanan para hukama' iaitu :

*"Bekerjalah untuk urusan dunia seolah-olah kamu tidak akan mati dan beramal ibadahlah seolah-olah kamu akan mati esok hari"*

Tidak dinafikan ramai dari kita menguruskan dunianya seolah-olah tidak mahu mati, tetapi bila beribadah seolah-olah juga tidak bersedia untuk mati. Rasa ketakutan untuk menghadapi kematian tidak langsung mendorongnya untuk lebih kuat bekerja dan beramal untuk menyelamatkan diri dari siksaan api neraka. Apa yang dijaga ialah supaya badannya sentiasa sihat supaya boleh hidup lebih lama lagi!! Keyakinan untuk hidup lagi sangat tinggi sehingga kualiti ibadah dan amalnya rendah.

Amat jauh bezanya kita dengan generasi yang digelar sebagai generasi Al-Qur'an yang unik. Mereka yakin pertemuan dengan Allah, lalu mempersiapkan sebaiknya untuk pertemuan itu. Mereka bekerja dan beramal bersungguh-sungguh untuk dunia sama seperti mereka bekerja dan beramal bersungguh-sungguh untuk akhirat. Hasilnya memang amat mengagumkan sejarah peradaban dunia, malah tokoh-tokoh itu masih diingat di sepanjang lipatan sejarah!!!

Orang yang tidak yakin boleh hidup esok hari, akan bersungguh-sungguh bekerja, beramal dan beribadah pada hari ini.

## Anak Sebagai Anugerah Allah

ANAK adalah anugerah Allah SWT yang tidak ternilai kepada kedua ibu bapa. Justeru, sebagai ibu bapa seharusnya mereka mengambil berat akan pendidikan anak-anak demi memastikan kehidupan mereka sentiasa berada dalam keredhaan dan pemeliharaan Allah SWT.

Menurut perspektif Islam, pendidikan anak-anak merupakan satu proses mendidik, mengasuh dan melatih rohani dan jasmani mereka dengan berteraskan nilai-nilai baik dan terpuji yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah. Tujuannya adalah bagi melahirkan 'insan rabbani' yang beriman, bertaqwa dan beramal soleh.

Falsafah pendidikan Islam sememangnya menekankan aspek rohani dan jasmani sesuai dengan kejadian manusia itu sendiri yang terdiri daripada roh dan jasad. Ianya melibatkan beberapa peringkat bermula dari dalam kandungan sehinggalah lahir dan menjadi dewasa.

Sebelum kelahiran anak itu lagi, ibu bapa perlu menyediakan tempat yang sesuai untuk mengasuh dan membesarkan anak dengan sebaik-baiknya. Ini memberi makna bahawa dunia pertama bagi seorang kanak-kanak adalah rumah ibu bapanya sendiri. Bagi memastikan kesempurnaan dalam pendidikan anak-anak, ibu bapa perlulah membentuk satu suasana yang harmoni dan bercirikan keislaman dalam kehidupan berumah tangga. Ini boleh dilakukan sejak di awal perkahwinan itu lagi.

Sekiranya setiap suami isteri menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai keislaman dalam kehidupan keluarganya, mudahlah mereka mendidik anak-anak dengan benih-benih ajaran Islam. Sebaliknya, jika pasangan tersebut gagal menerapkan nilai-nilai Islam dan mengekalkan kerukunan rumahtangga, amat sukarlah bagi mereka untuk mentarbiyah anak-anak mengikut acuan dan budaya hidup Islam.

*sambungan dari muka hadapan*

Sekiranya kita meneliti apakah pilihan yang dibuat oleh Imam Hassan Al-Banna ketika menghadapi dilema yang sama, maka kita akan dapati bahawa Hassan Al-Banna memilih untuk kembali kepada Islam yang syumul dan murni bukannya mencedok pemikiran lain yang kononnya lebih terkini dan kontemporari. Sesungguhnya, Imam Hassan Al-Banna mengajar kita untuk menari dengan rentak sendiri bukannya hanya mengikut tarian yang dicanang barat. Oleh itu, kembalilah kepada formula Islam. Islam adalah penyelesaian semua permasalahan manusia.

Setelah meneliti dan menyelami permasalahan umat; ISMA memilih untuk kembali kepada sistem Islam yang sebenar



Atas dasar inilah Rasulullah SAW mengingatkan seseorang lelaki yang ingin berkahwin supaya membuat pilihan yang tepat iaitu memilih perempuan yang mempunyai pegangan agama dan bukan semata-mata kerana paras rupa, keturunan atau harta sahaja. Sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud :

*"Wanita dikahwini kerana empat perkara iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah yang beragama kerana ia lebih menguntungkan kamu (lebih utama)."*  
(Riwayat Bukhari, Muslim dan Abu Daud)

Kesimpulannya, anak-anak merupakan amanah Allah yang perlu dididik dengan sebaiknya sejak mereka kecil lagi supaya apabila besar kelak mereka menjadi anak yang soleh dan sentiasa taat kepada kedua ibu bapanya. Anak-anak ibarat kain putih dan ibu bapalah yang berperanan mencorak dan melukiskannya dengan warna-warna menarik yang menjadi amalan dan cara hidup Islam.

atas asas untuk memahami dan mengamalkannya. Walaupun jalan tarbiah ini panjang dan berliku, namun ISMA percaya bahawa inilah jalan yang dapat menyelamatkan umat Islam. Di samping itu, ISMA memandang tinggi dan menghargai usaha-usaha amal Islami yang dilakukan oleh semua pihak.

Sesungguhnya, terbenamnya mentari 2006 telah menjanjikan bahawa fajar 2007 akan muncul dengan cahaya yang lebih indah dan gemilang. Semoga ISMA menjadi fajar yang dinanti-nantikan untuk menerangi bumi Malaysia dengan siraman dakwah dan tarbiah Solafussoleh. *InsyaAllah.*

## Seminar Belia Nasional 2006 – Bahas Acuan dan Halatuju Belia



Sesi dialog bersama Presiden

**Selangor** – Satu seminar Belia Nasional 2006 telah berlangsung di Sekolah Menengah Teknik Sepang, Selangor anjuran Biro Pembangunan Belia (BPB) Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Seminar selama empat hari ini bermula pada 22 hingga 25 Disember 2006 telah mengumpulkan seramai 110 peserta dari seluruh semenanjung Malaysia.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Presiden ISMA, Ustaz Abdullah Zaik Abdul Rahman pada hari kedua program. Menurut beliau, belia merupakan aset penting dalam pembinaan negara pada masa akan datang. Seiring dengan hasrat kerajaan dalam membina modal insan cemerlang, seminar seperti ini mampu



Tekun mendengar pembentangan kertas kerja

menyumbang dan memberi kesan yang positif kepada negara.

Beliau turut menekankan dua agenda utama belia untuk fasa 2010 iaitu membangkitkan semangat juang dan membentuk kumpulan teras di kalangan belia. Objektif ini seiring dengan risalah Islam yang berusaha melahirkan umat yang berjuang dan berkepemimpinan, sekaligus diharap dapat membantu negara dalam menangani cabaran dalaman dan global pada masa akan datang.

Sepanjang seminar ini berlangsung, sebanyak lima kertas kerja turut dibentangkan bagi memenuhi objektif seminar ini yang bertemakan “Satu



Pengerusi BPB Ust. Mohamad Ismail berucap

Tekad Memikul Tanggungjawab”. Kertas-kertas kerja tersebut secara umumnya membincangkan hal-hal berkenaan dengan pembinaan dan halatuju belia dalam mendepani masyarakat.

Sebelum program seminar berakhir, satu sesi dialog bersama Presiden ISMA yang telah memberi peluang kepada para peserta untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ISMA dan kepentingan belia. Majlis perasmian penutup seminar ini telah di sempurnakan oleh timbalan Presiden ISMA, En. Abdul Rahman Mat Dali. Dalam ucapannya, beliau berharap agar belia dapat terus matang dalam mempersiapkan diri untuk memacu masyarakat pada masa akan datang.

## Mesyuarat Ketua Perhubungan Negeri

**Shah Alam, Selangor** – “Lihat balik diri kita dan cari kunci-kunci bagaimana kita boleh membuka hati orang-orang yang berada di sekeliling kita”, ujar Presiden ISMA, Ustaz Abdullah Zaik dalam ucapan penutup beliau semasa mesyuarat bersama Ketua-ketua Perhubungan Negeri (KPN).

ISMA pusat telah menganjurkan satu mesyuarat khas untuk semua Ketua Perhubungan Negeri pada 15 – 17 Disember 2006 yang lalu bertempat di Dewan Seminar Masjid Al-Munawwarah, Shah Alam. Program tersebut yang di sertai oleh wakil-wakil ISMA kawasan bertujuan bagi menyusun semula struktur organisasi dan memperkemaskan aktiviti kawasan.

Mesyuarat ini memberi fokus kepada pelan strategi ISMA dari tahun 2006 hingga 2010 dengan memberi penekanan kepada program generasi wawasan dan generasi muda. Kawasan diminta merancang penyusunan semula struktur jawatankuasa mereka dengan memastikan kewujudan beberapa biro baru bagi memantau dan menyelia program kawasan.

Presiden ISMA juga menggesa ahli ISMA mendekati masyarakat dengan menghampirkan diri mereka dengan Allah. “Masa adalah terhad dan kita perlu berfikiran kreatif dan berfikir di luar kebiasaan”, ujar beliau lagi.

ISMA Pusat juga berjanji akan memberikan bantuan kepada kawasan



dan negeri terutama terutama kepada pembangunan ahli.

Presiden ISMA juga memberi penekanan kepada remaja dengan meminta kawasan memberi fokus lebih kepada Kelab Remaja ISMA (KRIM). Menurut beliau, KRIM adalah wasilah utama yang diberi tumpuan oleh kawasan.

## Kembara Dakwah Ceriakan Orang Asli



Peserta bergambar sebelum pulang



Menyerahkan sumbangan



Sesi pemeriksaan kesihatan

**Sagil, Tangkak** – Misi Kembara Dakwah 1 yang dianjurkan oleh Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) dengan kerjasama World Assembly of Muslim Youth (WAMY) pada 2 & 3 Disember lalu telah mencerikan sejumlah penduduk orang asli yang telah sekian lama dipinggirkan. Perkampungan orang asli Air Tawas, Gunung Ledang yang terdiri daripada 20 keluarga orang asli ini telah menyambut kehadiran kira-kira 40 orang peserta dengan persiapan yang sederhana.

Di antara aktiviti yang dijalankan di sana termasuklah pemeriksaan kesihatan yang diketuai oleh Doktor Salleh, pemberian hamper kepada setiap

keluarga berupa makanan asasi seperti beras, gula, tepung, susu dan sebagainya. Peserta juga sempat melakukan aktiviti ziarah dari rumah ke rumah penduduk di situ.

Menurut Tok Batin, Encik Menggek, "Sejak dari dulu lagi kami terpaksa berpindah dari satu kawasan ke kawasan yang lain kerana pemba-ngunan ingin dijalankan di penempatan yang lama. Akibatnya tempat yang kami duduki sekarang tidak dilakarkan di dalam peta." Menurutnya juga, kerajaan sudah berkali-kali menjanjikan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan juga jalan berturap namun sehingga sekarang masih belum ada tanda-tanda yang janji tersebut ingin ditunaikan.

Sehari sebelum itu, para peserta telah melakukan aktiviti pendakian gunung yang menduduki tangga keenam paling sukar didaki di Asia iaitu Gunung Ledang yang terletak beberapa kilometer dari perkampungan orang asli tersebut.

Gunung Ledang yang kini telah diswastakan dan terletak di bawah jagaan Taman Negara Johor telah berjaya didaki oleh para peserta dalam masa lebih kurang lima jam. Pendakian yang sukar dan mencabar itu telah memberikan gambaran kepada para peserta tentang perjalanan dakwah yang penuh liku-liku dan cabaran.

## Kem Remaja ISMA (KERIS) 2006 mendapat pujian

**Banting, Selangor** – "Menggugah Remaja Menilai Tempat Berpijak" Begitulah tema Perkhemahan Remaja ISMA peringkat Nasional tahun ini. Perkhemahan tahun ini diadakan pada 15 – 18 Disember 2006 selama 4 hari 3 malam di Akademi Latihan Inovasi dan Motivasi (ALIM), Kg Permatang Pasir Jugra, Banting Selangor

Kem Remaja ISMA Nasional (KERIS), adalah salah satu daripada siri program pembangunan remaja yang diolah untuk menerapkan nilai-nilai Islam dan bakat kepimpinan dalam diri remaja. Melalui kem ini para peserta akan didedahkan dengan latihan-latihan praktikal kepimpinan di samping kuliah pengisian daripada modul-modul pembangunan insan.

Objektif KERIS pada tahun ini adalah melatih peserta untuk beriltizam dengan cara hidup Islam melalui penerapan nilai-nilai murni (akhlak),



pengurusan diri yang sistematik dan berdisiplin dalam segenap tindakan. Di samping itu, KERIS juga membentuk nilai-nilai kepimpinan dalam diri remaja melalui pengisian-pengisian ilmiah dan kerohanian.

Penekanan juga diberikan dalam bentuk latihan-latihan praktikal, 'team building' dan 'self confidence' bagi memupuk budaya kerja berkumpulan. Hampir 60% aktiviti melibatkan aktiviti luar termasuk ice-breaking, sukaneka,



night walk, berakit, ExploKERIS dan lain-lain. Sementara 30% lagi melibatkan pengisian ilmiah dan kerohanian.

Beberapa peserta memberikan komen positif kepada program KERIS dan berasa seronok dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti berkayak dan mandi laut. ISMA mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang menyertai dan menjayakan program KERIS 2006 kali ini.

## Kewajipan Remaja Mentaati Ibu Bapa



IBU bapa merupakan dua insan yang bertanggungjawab dan menyebabkan lahirnya manusia-manusia lain termasuk remaja. Tanpa ibu bapa, amat mustahil seseorang itu mampu hidup, membesar dan membentuk dirinya menjadi manusia yang benar-benar sempurna. Maka dengan sebab itulah Allah s.w.t. meletakkan kewajipan yang amat berat ke atas setiap ibu bapa untuk memelihara, mendidik dan mengasuh anak-anak mereka dengan baik dan sempurna.

Kita mengakui bahawa tugas mendidik anak-anak bukanlah sesuatu yang mudah. Tambahan lagi apabila anak-anak telah mencapai usia remaja. Saat inilah dirasakan waktu yang paling mencabar kesabaran setiap ibu bapa untuk menghadapi pelbagai karenah yang ditimbulkan oleh anak-anak mereka yang sedang meniti alam dewasa.

Dalam hal ini, agama Islam mengajar bahawa tanggungjawab anak terhadap kedua ibu bapanya

adalah sangat besar dan perlu dititikberatkan melebihi tanggungjawabnya yang lain. Mengapakah Islam sangat menekankan persoalan ketaatan anak-anak terhadap ibu bapa? Sudah tentu jawapannya kerana tanggungjawab yang dipikul oleh ibu bapa terhadap anak-anak amat besar terutamanya ketika anak-anak masih kecil dan memerlukan sepenuhnya tempat pergantungan daripada ibu bapa. Di kala inilah betapa susah payah dan jerih lelahnya ibu bapa dalam melayani keperluan anak-anak mereka.

Di zaman moden ini, hubungan mesra dan hormat anak-anak terhadap ibu bapa semakin luntur dan mulai hilang. Sikap tidak mengenang budi, tidak menghormati dan tidak menghargai ibu bapa semakin ketara terutama di kalangan anak-anak muda yang telah dirasuk oleh cara hidup moden yang lebih memihak kepada cara hidup Barat. Amat menyedihkan apabila ada ibu bapa yang dihantar ke rumah orang-orang tua oleh anak-anak mereka sendiri atas alasan susah hendak menjaganya. Apakah ini balasan yang harus diterima oleh ibu bapa setelah bersusah payah mendidik dan membesarkan anak-anak mereka?

Para remaja perlu diingatkan bahawa sebagai anak mereka diwajibkan taat dan menunaikan kewajipan terhadap ibu bapa. Betapa besarnya kewajipan berbakti ini sehingga Allah meletakkan kewajipan terhadap keduanya selepas seseorang itu menyempurnakan kewajipannya kepada Allah. Justeru, satu-satunya pengorbanan sebagai mengenang jasa mereka ialah dengan memberikan taat setia dan sikap hormat kepada kehendak-kehendak mereka yang baik dan sikap menjunjung cita-cita mereka yang murni, sikap setia dan memberi pemeliharaan yang sebaik-baiknya di hari-hari tua dan masa uzur mereka.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

*"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata, dan hendaklah berbuat baik kepada dua ibu bapa sama ada ketika kedua-duanya sudah tua atau salah seorang daripadanya telah tua. Maka jangan kamu katakan kepada kedua-duanya sekalipun dengan perkataan 'uh', dan jangan kamu mengherdik mereka, sebaliknya ucapkanlah kata-kata yang mulia, dan hendaklah kamu merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan berdoaalah, 'wahai Tuhanku, rahmatilah keduanya sebagaimana mereka mendidikku semasa kecil.'"*

(Surah al-Isra' : 23-24)

**Betapa besarnya kewajipan berbakti ini sehingga Allah meletakkan kewajipan terhadap keduanya selepas seseorang itu menyempurnakan kewajipannya kepada Allah. Justeru, satu-satunya pengorbanan sebagai mengenang jasa mereka ialah dengan memberikan taat setia dan sikap hormat kepada kehendak-kehendak mereka yang baik ....**

## Kewajipan Amr Makruf dan Nahi Mungkar

### SOALAN:

Bagaimanakah pencegahan kemungkaran dijalankan? Adakah semua individu terlibat di dalam amr makruf dan nahi mungkar dan bagaimana kemungkaran dicegah?

### JAWAPAN:

Asas di dalam Islam adalah jelas. Amr makruf dan nahi mungkar merupakan tanggungjawab semua umat Islam, tidak kira siapa dan kedudukannya. Tanggungjawab ini jika dapat dilaksanakan akan mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

Walaupun begitu, pelakunya disyaratkan untuk mengetahui status makruf yang dianjurkan atau mungkar yang dicegah mengikut neraca syarak. Sebagaimana yang dinyatakan ulama: Tidak menyuruh makruf dan mencegah mungkar kecuali orang yang faham tentang apa yang disuruh dan faham tentang apa yang dilarangnya.

Dalam mencegah mungkar, Rasulullah SAW menyatakan (maksudnya):

*"Barangsiapa yang melihat kemungkaran hendaklah mencegahnya dengan tangan (kuasa), dan sekiranya tidak mampu hendaklah dengan lisan (teguran, amaran, nasihat) dan sekiranya tidak mampu juga hendaklah (dibenci) dengan hatinya. Dan itulah lemah-lemah iman"*

Oleh itu, apabila seseorang melakukan kemungkaran, maka kewajipan individu lain mencegahnya, sama ada ia berbentuk dosa besar seperti berzina, minum arak, melakukan syirik dll, ataupun berbentuk dosa kecil seperti menggelar orang dengan panggilan yang buruk.

Cumanya timbul persoalan, bagaimanakah pelaksanaan sebetulnya? Adakah perlu dlintip atau diintai bagi membuktikan kesalahan yang dilakukan.

Di dalam Islam terdapat satu institusi yang dinamakan Institusi Hisbah (Penguatkuasaan) yang berfungsi untuk mencegah kemungkaran dan bertanggungjawab bersama pemerintah bagi memastikan kemungkaran tidak berlaku setelah undang-undang yang berkaitan dikuatkuasakan. Perannya adalah begitu luas dan fungsinya amat besar. Justeru itu, di dalam melaksanakan tanggungjawab ini, badan hisbah akan menerima aduan daripada orang ramai yang melihat kemungkaran berlaku atau mereka sendiri melihat kemungkaran berlaku. Soal mengintip atau mengintai tidak wujud kerana hisbah berperanan bagi tujuan pencegahan kemungkaran daripada berlaku.

Meskipun begitu, pendekatan yang terbaik hendaklah dilaksanakan agar tidak timbul fitnah atau kerosakan lebih besar. Kemungkaran yang dicegah tidak harus dihebohkan bagai berita sensasi. Al-Fudhail bin 'Iyadh berkata: *"Orang mukmin menutup keaiban dan menasihati (saudaranya). Orang jahat menceroboh kehormatan dan memalukan (saudaranya)".*

Pada masa yang sama, kemungkaran tidak boleh difokuskan kepada kesalahan tertentu sahaja dengan mengabaikan kesalahan lain. Keutamaan kemungkaran yang mana perlu dibanteras, hendaklah didahului agar kemungkaran lain tidak berlaku. Ketidaktahuan mencegah kemungkaran yang utama menyebabkan umat Islam terkeliru dan hanya menumpukan aspek tertentu sahaja, tanpa melihat punca dan aspek kemungkaran yang lebih besar dan hebat yang sedang melanda.

Syeikh al-Qardhawi mengingatkan: *"Sesungguhnya kerosakan yang menimpa masyarakat kita sepanjang era kemunduran, zaman penjajahan Barat dan kegilaan pemerintahan sekular adalah kerosakan yang cukup mendalam dan kronik. Untuk membasminya, tidak cukup dengan mencegah kemungkaran yang jujuk seperti majlis nyanyian, tabarruj wanita di jalanan, atau penjualan kaset dan video yang tidak senonoh sahaja. Kerosakannya lebih besar daripada itu. Ia memerlukan kepada reformasi yang lebih menyeluruh, luas dan teliti; meliputi reformasi pemikiran dan kefahaman, nilai dan neraca, akhlak dan amalan, adab susila dan budaya, sistem dan perundangan."*


Inilah yang perlu sama-sama disedari. Apa yang perlu dilakukan ialah melipatgandakan usaha dan mencari kaedah yang lebih sesuai untuk menangani kemungkaran yang berlaku, dan bukannya menghentikan usaha pencegahan kerana masyarakat akan porak peranda. Bahkan ia perlu dilaksanakan dengan sebaiknya, agar kehidupan masyarakat terpelihara daripada kemurkaan Allah SWT.



“

Pada masa yang sama, kemungkaran tidak boleh difokuskan kepada kesalahan tertentu sahaja dengan mengabaikan kesalahan lain. Keutamaan kemungkaran yang mana perlu dibanteras, hendaklah didahului agar kemungkaran lain tidak berlaku. Ketidaktahuan mencegah kemungkaran yang utama menyebabkan umat Islam terkeliru dan hanya menumpukan aspek tertentu sahaja, tanpa melihat punca dan aspek kemungkaran yang lebih besar dan hebat yang sedang melanda.

”



“  
**Umat Islam di Malaysia juga tidak terkecuali daripada cabaran dalaman dan luaran seperti keruntuhan moral yang semakin serius, isu murtad dan tuntutan beberapa pihak dalam isu artikel 11 dan memorandum daripada menteri-menteri kabinet yang bukan beragama Islam.**  
”

**Dapatkan Naskah  
Anda Sekarang!**



**Hubungi  
03-8926 1520**

## **MASIH ADAKAH SINAR HARAPAN UNTUK UMAT ISLAM DI TAHUN BARU ?**

Tahun 2006 meninggalkan umat Islam dengan pelbagai kenangan manis dan tidak kurang peristiwa hitam yang menyayat hati. Cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi oleh umat Islam semakin hari semakin mencabar dan umat Islam seolah-olah terdesak untuk mencari jalan penyelesaiannya.

Isu besar yang dihadapi oleh umat Islam pada tahun 2006 masih seperti tahun sebelumnya iaitu berkisar tentang isu Palestin dan Iraq yang belum menampakkan kesudahannya malah semakin buruk. Pendudukan Israel di Palestin dan Amerika di Iraq nampaknya bukan hanya untuk kepentingan mereka sahaja malah mereka turut melaksanakan agenda perpecahan sesama umat Islam. Kita dapat menyaksikan krisis Hamas dan Fatah di Palestin serta Sunni dan Syiah di Iraq telah mengundang bahaya besar dengan berlakunya pertumpahan darah dan pembunuhan yang berterusan.

Umat Islam juga dikejutkan dengan tindakan biadap akhbar negara barat menyiarkan karikatur yang menghina junjungan besar Rasulullah SAW atas nama kebebasan akhbar. Ini diikuti dengan ucapan Pope yang menyifatkan Islam sebagai agama yang menggalakkan keganasan. Peristiwa itu kemudiannya mendapat reaksi balas daripada umat Islam seluruh dunia dengan bantahan melalui demonstrasi dan pemutusan hubungan diplomatik oleh beberapa negara Islam.

Krisis di Selatan Thailand pula adalah titik hitam dalam diari 2006 dengan menyaksikan peningkatan dalam siri pembunuhan kejam dan sulit tentera Thailand ke atas umat Islam Thailand.

Begitu juga dengan krisis di Chechnya, Kashmir dan Afganistan masih belum menampakkan tanda penyelesaian malah semakin buruk. Kuasa-kuasa besar terus menjadikan umat Islam sebagai mangsa kerakusan dan ketamakan mereka tanpa belas kasihan.

Umat Islam di Malaysia juga tidak terkecuali daripada cabaran dalaman dan luaran seperti keruntuhan moral yang semakin serius, isu murtad dan tuntutan beberapa pihak dalam isu artikel 11 dan memorandum daripada menteri-menteri kabinet yang bukan beragama Islam.

Apa yang menarik dengan cabaran umat Islam pada tahun lepas adalah beberapa kesan positif seperti peningkatan kesedaran tentang isu tersebut kepada umat Islam yang selama ini dibuai mimpi. Hamas contohnya telah dapat memenangi pilihan raya yang membolehkan mereka menerajui kerajaan walaupun berdepan dengan tentangan hebat. Umat Islam seluruh dunia turut membantu dengan memberi sumbangan kepada Hamas yang menerima sekatan antarabangsa.

Begitu juga di Iraq dan Afganistan, bilangan tentera bersekutu yang terkorban dan cedera terus meningkat sehingga menyebabkan pengaruh Bush dan Blair jatuh teruk. Sekutu Amerika seperti Itali dan Jepun telah menyatakan hasrat untuk mengundurkan tentera mereka dari bumi Iraq tahun depan.

Di Malaysia, isu murtad, artikel 11 dan memorandum mendapat bantahan meluas daripada umat Islam Malaysia termasuklah institusi raja yang mula mengambil serius tentang isu ini.

Kita berharap tahun baru akan memberi semangat dan azam baru kepada umat Islam kerana cabaran yang lebih getir dan hebat bakal menanti mereka.